

Alpha juara Bola Tampar Wanita Palapes

NST 3-5-2013 22

**OLEH JOANES ROBERT
JOHNNY joanes@newsabah-
times.com.my**

KOTA KINABALU: Unit beruniform Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Universiti Malaysia Sabah (UMS), telah menganjurkan Pertandingan Bola Tampar Wanita Antara Pasukan Palapes Kali Ke-2, baru-baru ini.

Pertandingan itu diadakan di Gelanggang Bola Tampar UMS dan telah disertai oleh tiga pasukan dalam Palapes iaitu pasukan Alpha, Bravo dan Charlie.

Perlawanan pertama dalam pertandingan secara liga itu menyaksikan pasukan Alpha menguasai perlawanan apabila menang mudah menewaskan Bravo dengan keputusan 15 berbalas 4.

Dalam perlawanan seterusnya, Alpha juga mudah menewaskan pasukan Charlie.

Pertemuan di antara pasukan Bravo dan Alpha menyaksikan perlawanan 'buku bertemu ruas' apabila kedua-dua pasukan menunjukkan semangat enggan mengalah.

Charlie juga terpaksa akur dengan kehebatan Bravo apabila tumpas 15 berbalas 13.

Dalam penentuan juara turut menyaksikan pertemuan semula antara Alpha dengan pasukan Bravo.

Bagaimanapun, Bravo terpaksa tunduk dengan kelebihan yang ada pada pasukan Alpha apabila mereka tewas 15 berbalas 6.

Seperti pada tahun-tahun lepas,

Alpha kembali mengekalkan kejuaraan apabila menjadi johan pada pertandingan kali ini.

Naib johan disandang oleh pasukan Bravo manakala pasukan Charlie menduduki tempat yang ketiga.

Acara penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Kapten Palapes, UMS Mohd. Haniff Rani yang juga Pegawai Latih Palapes UMS.

Menurut Hanif, pertandingan sukan seperti itu harus diteruskan kerana acara itu bukanlah semata-

ta-mata untuk menerap semangat berdaya saing tetapi juga wadah untuk mengeratkan hubungan silaturahim di antara sesama ahli dalam pasukan selain bagi memupuk semangat kerjasama di antara satu sama lain.



JUARA....Pasukan Alpha menjuarai pertandingan itu.



AKSI....Antara aksi pertandingan yang sempat dirakam.